



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

PERINTAH LARANGAN TERHADAP SELANGOR SMART AGRO PARK, CHANGKAT MENTERI, SABAK BERNAM, SELANGOR

15 APRIL 2021, SABAK BERNAM - Jabatan Alam Sekitar (JAS) merujuk kepada kenyataan media oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) bertajuk “Maklum Balas Bantahan Pembangunan Hab Sekuriti Makanan di Selangor Smart Agro Park, Changkat Menteri, Sabak Bernam, Selangor Darul Ehsan” pada 8 April 2021 yang menyatakan bahawa PKPS telah menjalankan kajian Laporan Penilaian Kesan Awal Kepada Alam Sekeliling (EIA) di atas tanah tersebut bagi cadangan pembukaan kawasan ladang kelapa sawit.

Berdasarkan rekod JAS, tiada laporan EIA yang dikemukakan oleh pihak PKPS kepada JAS sebagaimana kehendak Seksyen 34A(6), Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Terma Rujukan (TOR) Laporan EIA bagi cadangan Pembangunan Ladang Kelapa Sawit di keseluruhan Kawasan Tanah Milik PKPS di PT 4293, Mukim Sungai Panjang, Daerah Sabak Bernam, Selangor telah diterima oleh JAS pada 5 Disember 2019, bagaimanapun laporan TOR tersebut tidak disahkan pada 29 Januari 2020.

Susulan siasatan JAS Selangor ke lokasi projek, **notis arahan telah dikeluarkan kepada PKPS** pada 8 April 2021 di bawah Seksyen 31, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) dan **perintah larangan** bagi aktiviti yang ditetapkan di bawah Seksyen 34AA, Akta yang sama pada 12 April 2021 bagi **menghentikan kerja-kerja pembersihan tapak** dengan serta merta dan mengemukakan laporan EIA kepada JAS.

JAS sentiasa memantau pelaksanaan projek ini dan memastikan tiada sebarang aktiviti dijalankan di tapak dan akan mengambil tindakan tegas terhadap sebarang pelanggaran undang-undang di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.

Sebarang aduan pencemaran boleh disalurkan ke talian bebas tol JAS di 1-800-88-2727 atau email ke aduan_k@doe.gov.my dan melalui portal e-aduan JAS di eaduan.doe.gov.my. Saya juga ingin menegaskan bahawa JAS sentiasa mengambil tindakan tegas dan tiada kompromi terhadap penjenayah alam sekitar.

NORLIN JAAFAR

Ketua Pengarah Alam Sekitar

Putrajaya

Dikeluarkan pada 15 April 2021